



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA  
INDEKS KOS BAHAN BINAAN  
SEPTEMBER 2023

**Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus dan negatif 4.0 peratus pada September 2023**

**PUTRAJAYA, 11 Oktober 2023** – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR SEPTEMBER 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan penurunan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti besi, pasir, batu bata & dinding dan bahan kerja paip bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan perbandingan bulanan pada September 2023 mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu antara negatif 0.1 peratus dan negatif 4.0 peratus bagi hampir semua kawasan. Manakala indeks harga seunit keratan keluli & logam pula kekal tidak berubah bagi hampir kesemua kawasan berbanding bulan lepas kecuali sedikit penurunan dicatatkan di Perak (-0.5%), Pahang (-0.6%) dan Kota Kinabalu (-0.8%).

Indeks harga seunit simen bagi kebanyakan kawasan pula kekal tidak berubah berbanding Ogos 2023, namun begitu sedikit peningkatan dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang,

Kedah & Perlis (0.5%), Terengganu & Kelantan (0.3%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%). Manakala terdapat penurunan harga telah dicatatkan bagi kawasan Kota Kinabalu (-1.0%). Papan lapis telah merekodkan peningkatan harga iaitu 3.6 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, manakala harga kekal tidak berubah bagi semua kawasan di Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh September 2022 dan September 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.8 peratus dan 26.4 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak kecuali bagi Sibu dan Miri. Peningkatan tertinggi indeks harga seunit simen adalah kawasan Kelantan & Terengganu (26.4%) dan diikuti oleh kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (23.5%). Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.8 peratus hingga negatif 13.3 peratus bagi September 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan indeks harga seunit besi dicatatkan di Kota Kinabalu (2.8%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.1%) dan Sandakan (1.4%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,586.98 bagi setiap tan metrik dengan penurunan yang kecil iaitu 0.9 peratus berbanding bulan sebelumnya (Ogos 2023: RM3,620.05 per tan metrik). Manakala, purata harga simen (*Ordinary Portland*) kekal tidak berubah berbanding bulan sebelumnya dengan purata harga RM22.89 per 50 kg.

Selain daripada itu, indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan di Semenanjung Malaysia meningkat antara 0.1 peratus dan 0.5 peratus pada September 2023 berbanding bulan sebelumnya, kecuali Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Perak. Peningkatan tertinggi adalah bagi kategori bangunan (konkrit tetulang) 2-4 tingkat (berbumbung rata) di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan dan Pahang.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah menunjukkan penurunan di antara negatif 0.2 peratus dan negatif 0.8 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau pada September 2023 berbanding bulan sebelumnya.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 11 Oktober 2023


Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada September 2023 menunjukkan peningkatan indeks di antara 0.1 peratus dan 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri. Manakala indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu mencatatkan penurunan indeks sebanyak 0.1 peratus kecuali bagi bangunan (konkrit tetulang) satu tingkat dan bangunan kayu.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 11 Oktober 2023

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2022 – September 2023**



**Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2022 – September 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
11 OKTOBER 2023**

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, October 11, 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA  
SEPTEMBER 2023**

---

***The price index of steel recorded a decrease between negative 0.1 per cent and negative 4.0 per cent in September 2023***

**PUTRAJAYA, October 11, 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, SEPTEMBER 2023, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.**

*In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that, a month-on-month comparison of construction materials and selected areas showed a decrease in the unit price index for selected materials such as steel, sand, bricks & wall and plumbing materials for most areas of Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak.*

*The Chief Statistician of Malaysia also stated that a monthly comparison in September 2023 recorded a decrease between negative 0.1 per cent and negative 4.0 per cent in the price index per unit of steel for almost all areas. Meanwhile, the price index per unit of steel and metal sections remained unchanged in almost all areas as compared to the previous month, with the exception of a slight decrease in Perak (-0.5%), Pahang (-0.6%) and Kota Kinabalu (-0.8%).*

*The unit price index of cement for most areas remained unchanged as compared to August 2023, while a slight increase was recorded for Penang, Kedah & Perlis (0.5%), Terengganu & Kelantan (0.3%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka &*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, October 11, 2023**

Negeri Sembilan (0.2%). Meanwhile, a slight decrease in prices was recorded in Kota Kinabalu (-1.0%). Plywood recorded a price increase of 3.6 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, while a price remained unchanged in all areas in Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of September 2022 and September 2023 showed that the unit price index of cement recorded an increase between 2.8 per cent and 26.4 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak except Sibu and Miri. The highest increase in the price index per unit of cement was observed in Kelantan & Terengganu (26.4%), followed by Pulau Pinang, Kedah and Perlis (23.5%). The price index per unit of steel declined between negative 0.8 per cent to negative 13.3 per cent for September 2023 as compared to the same month last year. However, an increase in the unit price index of steel was registered in Kota Kinabalu (2.8%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.1%) and Sandakan (1.4%).

The Chief Statistician of Malaysia further stated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,586.98 per metric tonne, recording a slight decrease of 0.9 per cent as compared to the previous month (August 2023: RM3,620.05 per metric tonne). Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) remained unchanged as compared to the previous month, with an average price of RM22.89 per 50 kg.

Apart from that, the Building Cost Material Index (BCI) (with steel bars) for all building categories in Peninsular Malaysia increased between 0.1 per cent and 0.5 per cent in September 2023 as compared to the previous month, except for Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Perak. The highest increase was recorded for categories of 2-4 storey building (reinforced concrete) building (flat roof) in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan and Pahang.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded a slower decrease between negative 0.2 per cent and negative 0.8 per cent for almost all construction categories in Kota Kinabalu, Sandakan and Tawau in September 2023 as compared to the previous month.


**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, October 11, 2023**

A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for September 2023 showed an increase in the index of 0.1 per cent and 0.2 per cent for almost all categories of buildings in Kuching and Miri. Meanwhile, the index for almost all categories of buildings in Sibu declined by 0.1 per cent, except for single-storey (reinforced concrete) building and timber building.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2022 – September 2023**



**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, October 11, 2023**

**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2022 – September 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
11 OCTOBER 2023**